

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	SAYAPTEMPUR.COM	SECTION:	BERITA SEMASA
DATE:	SUNDAY, 5 NOVEMBER 2017	PAGE NO.:	1 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	DSA 2017 PLATFORM PROMOSI MALAYSIA		



BERITA SEMASA

DSA 2017 PLATFORM PROMOSI MALAYSIA

By Sayap Tempur - November 5, 2017 12 0



KUALA LUMPUR: Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2017 yang berlangsung di Bangkok, Thailand selama empat hari bermula esok menjadi platform terbaik mempromosikan Malaysia sebagai tuan rumah DSA 2018 pada April tahun depan.

Pengurus Besar DSA 2018, Anita Jacobson, berkata pada DSA 2017, Malaysia hanya membuka Pavilion DSA 2018 sebagai promosi untuk menarik lebih ramai peserta dan syarikat untuk menyertai pameran berkenaan.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	<u>DSA EXHIBITION AND CONFERENCE</u>		
PUBLICATION:	<u>SAYAPTEMPUR.COM</u>	SECTION:	<u>BERITA SEMASA</u>
DATE:	<u>SUNDAY, 5 NOVEMBER 2017</u>	PAGE NO.:	<u>2 OF 2</u>
CIRCULATION:	<u>ONLINE</u>	FREQUENCY:	<u>ONLINE</u>
HEADLINE:	<u>DSA 2017 PLATFORM PROMOSI MALAYSIA</u>		

“Kehadiran pengurusan DSA 2018 sebagai isyarat untuk memberitahu kepada peserta dan syarikat luar negara bahawa kita sudah bersedia menerima kedatangan mereka pada tahun depan.

“Tahun depan, DSA siri ke-16 akan membuat kelainan lebih-lebih lagi selepas genap 30 tahun penganjurannya. Justeru, DSA 2017 di Bangkok berada di landasan yang tepat untuk mempromosikan DSA 2018,” katanya.

Mengulas mengenai persiapan Pavilion DSA 2018, ia sudah bermula sejak dua hari lalu dan dalam proses akhir sebelum dibuka esok sempena perasmian DSA 2017.

DSA 2017 akan dihadiri Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Johari Baharum; Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

Media sebelum ini melaporkan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata DSA 2018 akan mencipta kelainan berbanding penganjuran pameran sama sebelum ini.

Selain diadakan di lokasi lebih besar iaitu di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) Kuala Lumpur berbanding di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum ini, DSA 2018 menampilkan kelainan menerusi penganjuran forum mencakupi perbincangan pelbagai bidang.